

PEREDARAN ZAMAN MENENTUKAN BUDAYA RAKYAT:
KUDA KEPANG

Oleh:

KAMARUDDIN BIN ATAN

SESI 1989/90

DIPLOMA IN MUZIK
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR.
1989

PEREDARAN ZAMAN MENENTUKAN BUDAYA RAKYAT:
KUDA KEPANG

Oleh:

KAMARUDDIN BIN ATAN

K.P.I.T.M:

TESIS ini dikemukakan kepada Kajian Senilukis & Senireka Institut Teknologi Mara, sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Seni Muzik.

Dekan,
Kajian Senilukis & Senireka,
Institut Teknologi Mara,
Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

PENGHARGAAN

Syukor alhamdulillah kehadiran Allah s.w.t yang Maha berkuasa lagi Maha mengetahui kerana atas limpah rahmat-Nya penulis dapat menyiapkan tesis ini walaupun terdapat beberapa kesulitan dan rintangan.

Di kesempatan ini penulis ingin menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Nazri Ahmad (Ketua Kursus), penasihat saya, pensyarah-pensyarah dan semua pihak yang telah banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat kepada saya dalam menyiapkan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada kedua Ibu dan Ayah, Adik, Pisee, Abai dan keluarga yang lain yang sentiasa membantu, memberi perangsang dan mendoakan kejayaan penulis. Ucapan ini ditujukan juga kepada Encik Shamsuddin yang telah banyak menolong menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Abang Jailan sekeluarga yang telah banyak berbudi kepada penulis.

Penulis juga ingin mengambil peluang ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ketua Kumpulan Kuda Kepang Sri Dalam, Wak Amin bin Sandi dan seorang ahli kumpulan, Encik Atan Hassan yang sudi ditemubual dan mengadakan pertunjukan permainan Kuda Kepang untuk kajian penulis.

Hanya Allah jua yang dapat membalas jasa dan budi baik anda sekalian.

Kamaruddin Atan
Julai 1987

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
ISI KANDUNGAN	ii
SENARAI SISIPAN	iii
BAB I: PENDAHULUAN	1
Penyata Malasah	1
Skop Penyelidikan	2
Anggapan Asas	3
Tujuan Penyelidikan	3
Kaedah Kajian	5
BAB II: TARIAN KUDA KEPANG DARI ASPEK SEJARAH DAN PERKEMBANGANNYA	7
Pengenalan	7
Asal Usul Kuda Kepang	13
Sejarah Kumpulan Kuda Kepang Yang Dikaji	18
BAB III: KUDA KEPANG DARI ASPEK PERSEMBAHANNYA	20
Peralatan Yang Digunakan:	
Peralatan Muzik	20
i. Gendang	20
ii. Gong	25
iii. Saron Kecil	28
iv. Bonang	30

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Penyata Masalah

Memang tidak dapat dinafikan bahawa untuk mengkaji sesuatu seni budaya, setiap pengkaji akan menghadapi beberapa masalah. Dalam menjalankan kajian ini penulis juga menghadapi keadaan yang serupa. Antara masalah-masalah yang penulis hadapi adalah seperti:

- i. Kurangnya bahan-bahan rujukan samada dalam bentuk bertulis, rakaman atau filem, khususnya mengenai seni muzik ethnik seperti Kuda Kepang ini untuk dijadikan bahan rujukan dan panduan
- ii. Kebanyakan informan-informan yang ditemubual tidak dapat menerangkan lebih terperinci lagi mengenai Kuda Kepang, khususnya mengenai aspek sejarah.
- iii. Masa kajian yang terhad juga menyebabkan penulis tidak dapat membuat kajian secara mendalam dan terperinci ke atas beberapa aspek penting yang terdapat dalam Kuda Kepang. Ada maklumat yang diberikan juga kurang jelas dan lengkap kerana sumbernya amat terbatas dan sukar diperolehi.